

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 DECEMBER 2016

# Rohingya juga manusia biasa – Najib

UM - 8/12/2016

**KUALA LUMPUR 7 Dis.** - “Kita bela bukan sahaja kerana mereka Rohingya dan seakidah dengan kita, kita bela kerana mereka juga manusia punya nyawa yang bernilai. Cukuplah setakat ini.”

Itu kapsyen bagi paparan video berdurasi 3.07 minit di laman Facebook Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam sorotan beliau mengenai solidariti Malaysia terhadap etnik Rohingya.

Dalam video itu yang dimuat naik semalam, kelantangan Najib mengenai isu tersebut dan

semangat beliau membela nasib masyarakat Rohingya yang sedang ditindas di Myanmar mendapat sokongan netizen.

Seorang pengguna Facebook, **Syukri Azalan** melahirkan sokongannya terhadap Najib di ruangan komen video tersebut.

“Meremang bulu roma saya kerana merasakan jihad fisabilillah yang Datuk Seri cuba sampaikan. Semoga Allah merahmati Datuk Seri,” katanya.

Seorang lagi pengguna Facebook, **Sanusi Sanusi** turut mem-

beri sokongan kepada keberanian Najib dalam isu tersebut.

“Atas dasar memperjuangkan hak orang Islam saya amat setuju dengan tindakan beliau. Terima kasih Perdana Menteri,” katanya.

Sementara itu **Khaisara L Khaila** pula berkata, tindakan Najib bukan atas dasar kepentingan tetapi solidariti seorang Islam kepada saudara Islam yang lain.

“Sebab itu beliau tidak mengelar dirinya sebagai Perdana Menteri tetapi sebagai rakyat Islam Malaysia,” katanya.